

Kerajaan Pusat sedia peruntukan RM65 juta projek tebatan, naik taraf saluran

Selesai masalah banjir kilat di Selangor

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

KLANG – Masalah banjir kilat yang kerap melanda beberapa kawasan di Selangor bakal berakhir pada Febuari tahun hadapan apabila fasa pertama projek tebatan banjir menaik taraf sistem saluran yang menelan kos RM25 juta bagi mengatasi bencana tersebut siap di kawasan Pelabuhan Klang.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Selangor, Datuk Seri Noh Omar berkata, projek bagi fasa kedua yang bernilai RM40 juta pula kini sedang dalam proses mengeluarkan tender kepada kontraktor-kontraktor yang layak.

Beliau memberitahu, antara kawasan banjir yang bakal sele-

sai ialah Pelabuhan Utara (Sungai Dua Besar), Jalan Pelabuhan Utara, Pejabat Lembaga Pelabuhan Klang, Kelab Pelayaran Diraja Selangor; Klang, Jalan Kem Kampung Sungai Keladi dan Jalan Tangki.

“Kerja tebatan bagi fasa pertama ini bagaimanapun mengalami kelewatan berbanding jangkaan awal pada 23 Jun lalu.

“Projek ini amat penting, berikutan terdapat 20 lokasi baharu yang sebelum ini tidak pernah berlakunya banjir antaranya, di Shah Alam, Puncak Alam dan sekitar IOI Mall Puchong,” katanya pada sidang akhbar ketika membuat lawatan kerja pembinaan sistem saluran di Kelab Pelayaran Diraja di sini semalam.

Turut hadir Ketua UMNO

Bahagian Kapar, Datuk Faizal Abdullah; Penyelaras Dewan Undangan Negeri Meru, Datuk Mohlis Jaafar dan Timbalan Pengarah Pembangunan II, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Mohd. Nazif Mohamed Daud.

Noh berkata, masalah banjir kilat tidak akan selesai sekiranya tiada kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri yang bertanggungjawab menyelenggara longkang dan parit yang tersumbat.

“Sebanyak RM25 juta peruntukan bagi fasa pertama manakala kerja tebatan ini akan diteruskan untuk fasa kedua dengan peruntukan sebanyak RM40 juta yang kini sedang dalam proses tender kepada kontraktor yang layak,” katanya.



NOH (kanan) mendengar penerangan daripada Mohd. Nazif (tiga dari kiri) pada sesi lawatan projek tebatan banjir fasa pertama di kawasan Kelab Kapal Layar Diraja Selangor, Klang semalam.